

اِقْرَا

IQRA

EVOLUSI
DEKAD
1984-2024



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor

BULETIN PTAR BIL.3 / 2026 MAC

UiTM CAWANGAN SELANGOR



IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SELANGOR

اِقْرَأْ

IQRA

Program World #QuranHour 2026

Tarikh : 11 Mac 2026 | 21 Ramadan 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor

PTAR Kampus Puncak Alam telah melaksanakan program World #QuranHour 2026 yang turut disiarkan secara langsung menerusi YouTube rasmi @PTARKPAUCS bagi membolehkan penyertaan yang lebih meluas dalam kalangan warga universiti dan masyarakat umum.

Program yang bertemakan “Membentuk Manusia Sebelum Membina Dunia” ini menampilkan sesi tadabbur Surah Al-Muzzammil, iaitu surah ke-73 yang mengandungi 20 ayat.

Pengisian utama program telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Hafiz Bin Mohd Hasan, Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam) UiTM Cawangan Selangor, yang berkongsi kupasan serta penghayatan ayat-ayat Al-Quran dengan menekankan kepentingan pembentukan akhlak, keperibadian dan kekuatan rohani sebagai asas dalam membangunkan masyarakat yang berilmu dan berintegriti.

Program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform dalam memperkukuh hubungan warga universiti dengan Al-Quran serta membentuk generasi yang seimbang dari segi intelektual, spiritual dan sahsiah.



Program Talaqqi Kerohanian Siri 1: Hadis 40 Imam Nawawi

Tarikh : 16 Mac 2026 | 26 Ramadan 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor

PTAR Kampus Puncak Alam telah mengadakan Program Talaqqi Kerohanian Siri 1 yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Haji Lufti Fauzi bin Haji Sabari, Ketua Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor.

Program ini telah diadakan di Ruang LCE, Aras 4, PTAR Kampus Puncak Alam dengan penyertaan warga PTAR serta pelajar latihan industri.

Dalam sesi perkongsian ini, penceramah telah menghuraikan perbezaan antara hadis dan Al-Quran serta kupasan makna hadis berdasarkan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Para peserta turut didedahkan dengan hadis pertama dalam kitab tersebut yang menekankan kepentingan niat sebagai asas dalam setiap amalan.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan bagi menyemarakkan budaya menuntut ilmu dalam kalangan warga UiTM.



Wacana Strategik Pengurusan dan Staf

Tarikh : 16 Mac 2026 | 26 Ramadan 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor

PTAR Kampus Puncak Alam telah menganjurkan Wacana Strategik Pengurusan dan Staf sebagai platform yang menghimpunkan barisan pengurusan bersama seluruh warga staf PTARUCS dalam suasana dialog terbuka dan profesional.

Inisiatif ini berperanan sebagai wadah perkongsian aspirasi, penyampaian maklumat strategik serta perbincangan hala tuju organisasi dalam usaha memperkukuh kecemerlangan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Sesi ini telah disampaikan oleh Puan Hani Liza Norfin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.

Program ini turut membuka ruang kepada perkongsian idea dan pandangan secara konstruktif dalam usaha memperkasa kecemerlangan tadbir urus serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Diharapkan program ini dapat diteruskan bagi menyemarakkan semangat kebersamaan, meningkatkan kefahaman terhadap perancangan strategik organisasi serta memperkukuh komitmen seluruh warga dalam merealisasikan visi dan misi yang telah digariskan demi kecemerlangan bersama.



PROGRAM LIBRARY MASTERCLASS: PEMANTAPAN KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT MAHASISWA BAHARU FAKULTI SAINS KESIHATAN

Tarikh : 30 Mac 2026 | 10 Syawal 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UiTM Kampus Puncak Alam atas penganjuran program "Research Writing Workshop" sempena minggu kemasukan baharu mahasiswa.

PTAR amat menghargai inisiatif proaktif pihak fakulti dalam menjemput wakil perpustakaan bagi mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha murni ini secara tidak langsung membantu membudayakan penggunaan sumber maklumat yang sahih dalam kalangan pelajar di Kampus Puncak Alam.

Dua orang wakil PTAR telah dijemput untuk menyampaikan perkongsian berkaitan Modul Online Databases oleh Pn. Fatimah Harith (Pembantu Pustakawan Kanan) dan sesi seterusnya Modul Reference Management Software – Mendeley oleh En. Amir Muhamad Shafie (Pustakawan)

Searamai 107 orang pelajar semester akhir program Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan Fakulti Sains Kesihatan UiTM Kampus Puncak Alam telah didedahkan dengan sistem PERMATA dan pangkalan data atas talian bagi memastikan penulisan akademik mereka lebih berkualiti dan efisien.

Terima kasih kepada pihak FSK kerana memberi ruang kepada kami untuk mendekati para pelajar. Semoga kerjasama strategik ini terus berpanjangan demi kecemerlangan akademik mahasiswa.

